

From: Pusat Sukan
Sent: Monday, October 29, 2018 11:50 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohammad Zaki bin Ahmad
Subject: UUM NAIB JOHAN LIGA BOLA SEPAK IPT DIVISYEN 2, 2018



29 OKTOBER 2018 / 20 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM NAIB JOHAN LIGA BOLA SEPAK IPT DIVISYEN 2, 2018



PSUKAN ONLINE : Pasukan Bola Sepak UUM berjaya muncul Naib Johan Liga Bola Sepak IPT Divisyen 2, 2018 yang berlangsung di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) , Bangi Selangor semalam.

Pada perlawanan akhir semalam pasukan UUM tewas tipis 0-1 kepada UMK FC dalam perlawanan yang begitu sengit dan mendebarkan. Gol tunggal UMK FC terhasil pada minit-65 perlawanan menerusi sepakan penalti apabila pemain pasukan UUM mengasari pemain UMK FC didalam kawasan kotak penalti.

Pasukan UMK FC berjaya membawa pulang wang tunai RM 7000 selaku Johan manakala pasukan UUM membawa pulang RM 5000 dan ketiga UNITEN RM 3000.

Menurut Pengurus Pasukan UUM, Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar, walaupun hanya muncul Naib Johan dalam perlawanan akhir ini , beliau sangat berpuas hati dengan komitmen dan semangat juang para pemain yang berjuang habis-habisan sehingga wisel penamat dibunyikan.

Tambahnya lagi, pasukan bola sepak UUM sepatutnya boleh berbangga dengan kejayaan ini apabila kita layak untuk beraksi dalam Liga Bola Sepak Divisyen 1 , 2019 dan Kejohanan Bola Sepak Piala KPT 2019 pada tahun hadapan.

Habis.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.